



Ya! Saya ingin memohon Kad Kredit Tambahan bagi Kad Utama seperti berikut:

 Kad Utama 1 Kad Utama 2 Kad Utama 3 Dr  Encik  Puan  Cik  Lain-lain \_\_\_\_\_

Nama

Nama Tertera pada Kad (tidak lebih daripada 19 huruf)

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Jantina  Lelaki  Perempuan

No. KP/Pasport Baru

No. KP Lama

Pemastautin Tetap Negara Lain

 Tidak Ya

Negara Pemastautin Tetap

 Malaysia  Lain-lain (Sila namakan) \_\_\_\_\_

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Bangsa  Melayu  Cina  India  Pribumi  Lain-lainKewarganegaraan  Malaysia  Lain-lain (Sila namakan) \_\_\_\_\_Duduk di Malaysia lebih daripada 182 hari  
(dalam setahun kalendar) Ya Tidak

Negara Pengeluar Pasport:

Tarikh dikeluarkan  
PasportTarikh Luput  
Pasport

Pertalian dengan Pemohon Kad Utama

Alamat Rumah

Poskod

Bandaraya

Negeri

Negara

Alamat Emel (mandatori)

No. Tel. Rumah

No. Tel. Bimbit

Pekerjaan

Jenis Pekerjaan

- Bekerja Sendiri dengan Pekerja  
 Bekerja Sendiri Tanpa Pekerja  
 Pekerja Kerajaan/Kakitangan Awam  
 Pekerja Sektor Swasta  
 Pesara/Suri Rumah

Nama Syarikat

Alamat Pejabat

Poskod

Bandaraya

Negeri

Negara

Sektor Pekerjaan

Sektor Industri

Pendapatan Kasar Tahunan RM

Pendapatan Lain Tahunan RM

Had Kredit

- Pemohon Kad Tambahan akan berkongsi 100% had kredit saya  
 Pemohon Kad Tambahan diuntukkan had kredit:

RM | | | | | | | |

Perhatian: Semua baki belum jelas atau amaun tak berbayar dalam akaun Kad Tambahan dalam sesuatu bulan akan dipindahkan kepada akaun Pemegang Kad Utama pada tarikh penyata berikutnya, selepas itu had kredit yang diuntukkan itu akan dikembalikan semula sewajarnya.

## Penyerahan Kad Kredit Tambahan

 Alamat mengikut alamat utama/sistem Pemegang Kad Utama

## Deklarasi

Saya/Kami dengan ini,

- (a) mengesahkan dan bersetuju bahawa Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dibenarkan untuk menentusahkan maklumat yang diberikan kepada HLB daripada apa jua sumber dan cara yang dianggap wajar;
- (b) mengesahkan dan bersetuju bahawa saya/kami akan terikat dengan terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad HLB dan sebarang terma dan syarat lain kad kredit yang dimohon dalam borang permohonan ini sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa;
- (c) mengesahkan dan memahami bahawa permohonan saya/kami adalah tertakluk kepada kelulusan HLB;
- (d) mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pinjaman saya/kami daripada segala sumber di dalam Malaysia tidak melebihi jumlah keseluruhan RM200,000 (untuk bukan warganegara Malaysia sahaja);
- (e) mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa saya/kami memahami dengan jelas di mana saya/kami telah menghantar Borang Permohonan Kad Kredit kepada HLB melalui e-mel, saya/kami setuju bahawa salinan borang permohonan yang diimbas hendaklah dianggap salinan asal untuk tujuan pemrosesan, mengandungi segala butiran benar dan tepat dan bahawa salinan borang permohonan yang diimbas tersebut dan segala transaksi kad berbangkit berkaitan dengan hal itu adalah sah dan mengikat ke atas diri saya/kami, namun biarpun begitu, saya/kami akan simpan Borang Permohonan Kad Kredit bertandatangan asal pada setiap masa dan menyerahkannya kepada HLB apabila diminta;
- (f) mengesahkan dan bersetuju bahawa saya/kami akan bertanggungjawab atas segala ketidaktepatan atau salah nyataan dalam maklumat tersebut dan akan tetap bertanggungjawab terhadap segala amaun belum jelas dan segala kerugian dan perbelanjaan yang ditanggung oleh HLB kerana ketidaktepatan atau salah nyataan dalam maklumat tersebut

## Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Terkait ("Garis Panduan")

Untuk membolehkan HLB mematuhi FSA dan Garis Panduan tersebut, saya/kami akan membuat akaun kepada HLB sama ada saya/kami adalah satu pihak terkait di bawah Garis Panduan itu, yang meliputi tetapi tidak terhad kepada, pasangan, anak, ibu atau bapa atau tanggungan kewangan Pengarah HLB, Pegawai Eksekutif atau pegawai pelulus/penaksir/penyemak kredit atau dalam hal pelanggan korporat/perniagaan, meliputi entiti yang dikawal oleh orang-orang HLB yang tersebut tadi. Jika pada bila-bila masa saya/kami menjadi orang terkait saya/kami mestilah serta-merta memberitahu HLB melalui surat. HLB berhak menamatkan Kemudahan Kredit itu sekiranya saya/kami gagal membuat akaun yang wajar atau betul, sehingga menyebabkan HLB melanggar FSA atau Garis Panduan tersebut.

## Pernyataan dan Jaminan atas Pemrosesan Maklumat Peribadi

Dengan ini saya/kami membuat pernyataan dan memberi jaminan bahawa saya/kami telah mendapatkan keizinan semua pihak yang dinamakan dalam permohonan saya/kami bagi kad kredit atau apa-apa dokumen lain dikemukakan kepada HLB sebagai sokongan kepada permohonan tersebut dan/atau wakil dibenarkan mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah saya/kami, pemegang saham, penandatangan dibenarkan atau mana-mana orang lain yang disebut oleh HLB ("Subjek Data Berkenaan") untuk pengumpulan, penyimpanan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Berkenaan oleh HLB menurut Notis Privasi HLB sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

**Notis Dasar Pertukaran Asing – Deklarasi dan Pengakuan**

- Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan dalam dokumen ini, adalah benar dan tepat dan mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing.
- Saya/Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang maklumat yang tidak tepat, tidak benar atau maklumat yang diberikan tidak lengkap.
- Saya/Kami dengan ini memberi membenarkan pihak Bank menyerahkan maklumat ini kepada BNM bagi mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing.
- Saya/Kami dengan ini memberi aku janji untuk memaklumkan kepada pihak HLB sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat yang dinyatakan di sini.
- Saya/Kami telah dimaklumkan bahawa maklumat mengenai Notis Dasar Pertukaran Asing juga terdapat di Laman Web HLB untuk rujukan saya/kami.

**Persetujuan dan Deklarasi Privasi Data**

Saya/Kami dengan ini,

- (a) mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada HLB adalah lengkap, benar dan betul dan akan segera memaklumkan HLB tentang sebarang perubahan maklumat ini;
- (b) mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan bersetuju dengan Notis Privasi HLB\* yang mungkin berbeza dari semasa ke semasa. Saya/Kami dengan ini bersetuju dan membenarkan pendedahan nama saya/kami dan maklumat perhubungan lain kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat HLB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi. Salinan Notis Privasi disediakan apabila diminta atau boleh didapati di Laman Web HLB.

\*"Notis Privasi" bermaksud dasar dan prinsip HLB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan yang berpotensi yang berurusan dengan HLB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan disediakan di Laman Web Bank atau dalam cara yang difikirkan sesuai oleh HLB dari semasa ke semasa. Untuk membaca dan memahami lebih lanjut tentang Notis Privasi HLB, sila rujuk Laman Web HLB;

- (c) mengisytiharkan bahawa menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA"), saya/kami, yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini tanpa boleh ditarik balik dan secara tanpa syarat memberi kebenaran kepada CTOS Data Systems Sdn Bhd, Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd (sebelumnya dikenal sebagai RAM Credit Information Sdn Bhd), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, FIS Data Reference Sdn Bhd, BASIS Corporation Sdn Bhd dan Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd (masing-masing dirujuk sebagai "Agensi Pelaporan Kredit" dan secara kolektif, "Agensi-agensi Pelaporan Kredit") untuk memproses dan mendedahkan apa-apa maklumat peribadi saya/kami, maklumat syarikat/perniagaan saya/kami (jika berkenaan) dan maklumat kredit (seperti yang ditakrifkan dalam CRA), termasuk maklumat kredit di mana saya/kami adalah pemohon bersama atau dengan siapa saya/kami dikaitkan atau telah dikaitkan dan terdapat dalam rekod Agensi Pelaporan Kredit atau sebarang maklumat dalam rekod Biro Kredit, Bank Negara Malaysia ("BNM") (termasuk sebarang pangkalan data atau sistem yang dibentuk oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa atau badan kerajaan atau kawal selia, Cagamas Berhad dan/atau Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa pada bila-bila masa seperti yang difikirkan sesuai oleh HLB (secara kolektif dirujuk sebagai "Maklumat Kredit") kepada HLB bagi tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan dalam Notis Privasi HLB yang disediakan apabila diminta atau pada Laman Web HLB;
- (d) mengisytiharkan bahawa berhubung dengan Persetujuan yang diberikan di sini, saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada HLB untuk memberi maklumat peribadi saya/kami dan syarikat/perniagaan saya/kami (jika berkenaan) kepada Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan, seperti yang diperuntukkan di bawah, untuk membolehkan Agensi Pelaporan Kredit memberi saya/kami dengan pemberitahuan yang berkaitan seperti yang diperlukan di bawah CRA;
- (e) bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan HLB atas:
  - (i) Sebarang pernyataan, salah nyata, ketidaktepatan atau peninggalan apa-apa jenis atau cara yang terkandung dalam Maklumat Kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang diberikan kepada HLB oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkaitan;

- (ii) Kebergantungan HLB terhadap Maklumat Kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang telah disediakan oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan dalam membuat keputusan berhubung dengan permohonan saya/kami untuk kemudahan kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB yang lain; dan
- (iii) Sebarang pendedahan Maklumat Kredit saya/kami oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan kepada mana-mana pelanggan Agensi Pelaporan Kredit yang lain berhubung dengan perkhidmatan pelaporan kredit yang disediakan.
- (f) mengisytiharkan bahawa Persetujuan ini hendaklah tanpa prasangka terhadap klausa lain dalam perjanjian yang mentadbir syarat-syarat kredit dan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB lain yang saya/kami telah memohon di sini dan hendaklah kekal sah dan mengikat terhadap saya/kami selagi saya/kami kekal menjadi pelanggan HLB dan/atau penyedia perkhidmatan/vendor luar HLB (jika berkenaan);
- (g) tanpa boleh ditarik balik memberi kuasa dan membenarkan HLB, para pegawai dan pekerjaannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat saya/kami berkaitan permohonan ini, akaun sekarang dan masa depan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan saya/kami atau syarikat/perniagaan dan operasi saya/kami (jika berkenaan) kepada orang/entiti yang dinamakan dalam Notis Privasi HLB. Saya/Kami dengan ini dan tanpa boleh ditarik balik bersetuju dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa kecuali dan melainkan kerosakan yang timbul secara langsung akibat kemungkiran atau kecuaiian melampau yang disengajakan oleh HLB, para pegawai dan pekerjaannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas penyediaan maklumat tersebut atau akibat daripada apa-apa pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan menurut perakuan ini;
- (h) memberi persetujuan kepada HLB, atau mana-mana gabungannya, termasuk cawangan untuk berkongsi maklumat saya/kami dengan pihak berkuasa cukai dengan tujuan untuk membolehkan HLB, atau mana-mana gabungannya mematuhi syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") dan Standard Pelaporan Bersama ("CRS") sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan kawal selia yang terpakai;

Nota: Pelanggan yang tidak mahu berkongsi data peribadi mereka dalam kumpulan syarikat HLB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi diminta untuk menghubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899 untuk mendaftarkan arahan mereka bagi menarik diri daripada perkongsian ini.

Saya/Kami,

- dengan ini mengisytiharkan bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan bersetuju dengan klausa **Persetujuan dan Pengisytiharan Privasi Data** di atas termasuk **Notis Privasi** yang telah disediakan kepada saya/kami di Laman Web HLB di [www.hlb.com.my/en/connect/privacynotice](http://www.hlb.com.my/en/connect/privacynotice).
- mengesahkan dan mengakui bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan menerima perkara berikut, yang salinannya telah disediakan kepada saya:
  - (i) Perjanjian Pemegang Kad HLB;
  - (ii) Terma & Syarat Kad Kredit HLB pilihan Saya/Kami; dan
  - (iii) Helaian Pendedahan Produk Kad Kredit HLB.
- dengan ini mengakui bahawa saya/kami telah menerima penjelasan yang mencukupi mengenai syarat penting Helaian Pendedahan Produk Kad Kredit HLB daripada pegawai Bank (tidak berkenaan untuk e-permohonan).
- dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan menerima semua kandungan bahagian AKUAN dalam borang permohonan ini.

**PERINGATAN:**

Anda diingatkan untuk membaca dan memahami klausa Persetujuan dan Pengisytiharan Privasi Data, Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma & Syarat Kad Kredit HLB pilihan anda dan Helaian Pendedahan Produk Kad Kredit HLB sebelum anda menandatangani Borang Permohonan ini dan/atau menyerahkan Borang Permohonan ini (dalam kes e-permohonan).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai ciri produk atau terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.

Tandatangan Pemohon Kad Utama

x

Nama \_\_\_\_\_

Tarikh   /   /

HH      BB      TTTT

Tandatangan Pemohon Kad Tambahan Pertama

x

Nama \_\_\_\_\_

Tarikh   /   /

HH      BB      TTTT

Tandatangan Pemohon Kad Tambahan Kedua

x

Nama \_\_\_\_\_

Tarikh   /   /

HH      BB      TTTT



# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK KAD KREDIT (English Version)

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memilih untuk melanggan Kad Kredit Hong Leong ("Kad"). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



Kad Kredit  
Tarikh:

## 1. Apakah produk ini?

Ini adalah Kad Kredit Hong Leong yang akan digunakan terutamanya untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan. Sekiranya jumlah kredit yang digunakan oleh Pemegang Kad tidak dijelaskan sepenuhnya oleh Pemegang Kad pada/atau sebelum tarikh akhir bayaran, jumlah yang belum diselesaikan akan dikenakan caj kewangan.

## 2. Apakah saya peroleh daripada produk ini?

### (i) Had kredit

Kredit pusingan yang diluluskan oleh Bank, berdasarkan kelayakan Pemegang Kad.

Jenis kad	Had kredit minimum (RM)
<b>Kad Perjalanan</b>	
Hong Leong Infinite  (Visa)	100,000
Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)	12,000
Hong Leong Infinite (Visa)	45,000
Emirates HLB World Elite (Mastercard)	50,000
Emirates HLB World (Mastercard)	20,000
Emirates HLB Platinum (Mastercard)	12,000
<b>Kad Pulangan Tunai</b>	
WISE Gold (Visa)	2,000

Jenis kad	Had kredit minimum (RM)
<b>Kad Pulangan Tunai</b>	
Essential (Visa)	2,000
<b>Kad Mata Ganjaran</b>	
Sutera Platinum (Visa)	3,000
Gold (Visa)	2,000
GSC Platinum (Visa)	12,000
GSC Gold (Visa)	2,000
<b>Kad Asas</b>	
1'm (Visa)	2,000

PERHATIAN: Kelayakan pendapatan minimum bagi Pemegang Kad baharu ditetapkan RM24,000 setahun. Pemegang Kad yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang, hanya boleh memegang maksimum dua (2) Kad. Selain itu, had kredit maksimum yang diberi kepada Pemegang Kad tidak boleh melebihi dua (2) kali pendapatan bulanan bagi setiap penerbit Kad.

• Pemegang Kad akan dikenakan caj kewangan atas semua baki tertunggak termasuk faedah dan fi (tidak termasuk Caj Pembayaran Lewat) asalkan baki semasa nyata terdahulu Pemegang Kad tidak dibayar penuh sebelum tarikh akhir bayaran.

### (ii) Pembelian Runcit

Akan dikira secara harian selepas tempoh tanpa faedah dengan syarat, penyata baki semasa sebelumnya bagi Pemegang Kad dibayar sepenuhnya pada tarikh akhir bayaran. Jika tidak, faedah akan dikira setiap hari dari tarikh pencatatan. Caj kewangan mungkin berbeza bagi setiap akaun berdasarkan tingkah laku Pemegang Kad dalam masa dua belas (12) bulan yang lepas adalah seperti di bawah:

Pola bayaran Pemegang Kad	Kadar faedah runcit
Pemegang Kad yang segera menjelaskan bayaran balik minimum selama dua belas (12) bulan berturut-turut	15% setahun
Pemegang Kad yang segera menjelaskan bayaran balik minimum selama sepuluh (10) bulan atau lebih dalam pusingan dua belas (12) bulan; dan	17% setahun
Pemegang Kad yang tidak tergolong dalam kategori-kategori di atas	18% setahun

Untuk menikmati caj kewangan lebih rendah bagi transaksi runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 bayaran segera dalam dua belas (12) bulan lepas.

### (iii) Pendahuluan tunai

• 18% setahun daripada amaun belum jelas dikira secara harian dari tarikh transaksi sehinggalah tarikh pembayaran penuh.

PERHATIAN: Had pengeluaran tunai maksimum sehari adalah bergantung kepada Had Tunai tersedia bagi kad anda dan had pengeluaran di mana-mana mesin juruwang automatik ATM bagi pengeluaran tunai melalui ATM, mengikut mana yang lebih rendah.

### (iv) Pindahan Baki (BT)

Kadar faedah berbeza bergantung kepada tempoh yang dipilih/tempoh ansuran. Sila rujuk Helaiian Pendedahan Produk Pindahan Baki.

• Pemegang Kad berhak menerima:

Jenis Ganjaran	Jenis Kad												
<b>Pulangan Tunai</b>													
<ul style="list-style-type: none"><li>Pulangan Tunai 0.4% bagi semua transaksi insurans</li><li>Bagi transaksi runcit yang sah* lain<ul style="list-style-type: none"><li>Tingkat 1 - Pulangan Tunai 0.4% bagi Perbelanjaan RM7,000 yang pertama</li><li>Tingkat 2 - Pulangan Tunai 1% bagi perbelanjaan seterusnya</li></ul></li><li>Pulangan Tunai dihadkan pada RM300 sebulan</li></ul>	Essential												
<ul style="list-style-type: none"><li>Dengan perbelanjaan minimum RM500:<ul style="list-style-type: none"><li>Nikmati Pulangan Tunai sebanyak 8% pada hujung minggu dan Pulangan Tunai sebanyak 1% pada hari minggu untuk Perbelanjaan popular Atas Talian, Barangan Runcit &amp; Keperluan (termasuk kedai serbaneka yang terpilih), Petrol dan Jamu Selera. Setiap kategori dihadkan pada Pulangan Tunai sebanyak RM15 sebulan.</li><li>Nikmati Pulangan Tunai sebanyak 0.25% untuk semua Transaksi Runcit Lain yang sah* (kecuali Perbelanjaan Atas Talian, Barangan Runcit &amp; Keperluan, Petrol dan Jamu Selera)</li></ul></li><li>Dengan perbelanjaan RM500 ke bawah, nikmati Pulangan Tunai sebanyak 0.25% ke atas semua Transaksi Runcit yang sah*.</li></ul>	WISE												
<b>Mata Ganjaran</b>													
Semua Transaksi Runcit yang sah* akan diberi Mata Ganjaran	Sutera Platinum/Gold/GSC												
<b>Skywards Miles</b>													
Semua Transaksi Runcit yang sah* akan diberi Skywards Miles berdasarkan: <table border="0"><tr><td><b>World Elite</b></td><td><b>World</b></td><td><b>Platinum</b></td></tr><tr><td> RM4 = 2.5 Skywards Miles</td><td> RM4 = 2 Skywards Miles</td><td> RM4 = 1.5 Skywards Miles</td></tr><tr><td> RM4 = 1.75 Skywards Miles</td><td> RM4 = 1.5 Skywards Miles</td><td> RM4 = 1.25 Skywards Miles</td></tr><tr><td> RM4 = 1 Skywards Miles</td><td> RM4 = 1 Skywards Miles</td><td> RM4 = 0.5 Skywards Miles</td></tr></table>	<b>World Elite</b>	<b>World</b>	<b>Platinum</b>	RM4 = 2.5 Skywards Miles	RM4 = 2 Skywards Miles	RM4 = 1.5 Skywards Miles	RM4 = 1.75 Skywards Miles	RM4 = 1.5 Skywards Miles	RM4 = 1.25 Skywards Miles	RM4 = 1 Skywards Miles	RM4 = 1 Skywards Miles	RM4 = 0.5 Skywards Miles	Emirates HLB
<b>World Elite</b>	<b>World</b>	<b>Platinum</b>											
RM4 = 2.5 Skywards Miles	RM4 = 2 Skywards Miles	RM4 = 1.5 Skywards Miles											
RM4 = 1.75 Skywards Miles	RM4 = 1.5 Skywards Miles	RM4 = 1.25 Skywards Miles											
RM4 = 1 Skywards Miles	RM4 = 1 Skywards Miles	RM4 = 0.5 Skywards Miles											
<b>MAS Enrich Miles</b>													
Semua Transaksi Runcit yang sah* akan diberi MAS Enrich Miles berdasarkan: • Tempatan : RM3.5 = 1 mile • Luar Negara : RM2.2 = 1 mile	Hong Leong Infinite  / Infinite/Infinite Doctor's Edition												

\*Transaksi Runcit (tempatan dan antarabangsa) KECUALI semua transaksi berkaitan dengan Kerajaan/JomPAY/Pembayaran Bill FPX, Transaksi QR Pay melalui Aplikasi HLB Connect, Pendahuluan Tunai, Kuasi Tunai (transaksi berkaitan pertaruhan dan perjudian), Quick Cash, Pelan Pembayaran Flexi, Auto Balance Conversion (ABC), Pindahan Baki dan sebarang bayaran fi dan caj.

### 3. Apakah obligasi saya?

<b>Bayaran balik bulanan minimum</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah baki tertunggak [merujuk kepada jumlah amaun Transaksi Runcit (jika ada), amaun Pindahan Baki (jika ada) yang mana pelan Pindahan Baki bukan secara ansuran, amaun Pendahuluan Tunai (jika ada), Caj Kewangan dan yuran (jika ada)];</li><li>ii. 100% Cukai;</li><li>iii. 100% semua ansuran bulanan yang dikontrak (termasuk ansuran bulanan untuk Penukaran Baki Automatik, Pelan Pembayaran Lanjutan dan pelan ansuran lain yang tersedia dari semasa ke semasa);</li><li>iv. Mana-mana Bayaran Minimum Perlu Dibayar dari penyata bulan sebelumnya yang belum dibayar, dan;</li><li>v. 100% mana-mana amaun lebih had (merujuk kepada amaun melebihi Had Kredit Ditetapkan atau Had Kredit Ditetapkan); <b>ATAU</b> RM50, yang mana lebih tinggi (atau peratus atau jumlah lain seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) atau penyelesaian baki yang belum dibayar.</li></ul>
<b>Tempoh tanpa faedah bagi transaksi pembelian runcit</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dua puluh (20) hari dari tarikh penyata asalkan baki semasa dalam penyata dahulu Pemegang Kad dibayar penuh sebelum tarikh matang bayaran. Jika tidak, faedah akan dikenakan atas transaksi pembelian runcit dari tarikh pencatatan masing-masing.</li><li>• Pemegang Kad Utama akan bertanggungjawab terhadap segala baki belum jelas yang ditanggung atas Kad Utama dan/atau Kad Tambahan. Pemegang Kad Tambahan adalah bertanggungjawab terhadap baki belum jelas yang ditanggung atas Kad Tambahannya sahaja.</li></ul>

### 4. Apakah fi dan caj yang saya kena bayar?

Untuk senarai penuh fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami [www.hlb.com.my/cc2](http://www.hlb.com.my/cc2) atau imbas di sini



### 5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan obligasi saya?

#### Caj Pembayaran Lewat

• Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki belum jelas setakat tarikh penyata, mengikut mana yang lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100.00.

#### Hak tolak selesai

• Bank dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar boleh menolak-selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang ada dengan kami, terhadap apa-apa baki belum jelas dalam akaun Kad ini.

#### Tanggungjawab bagi transaksi tanpa kebenaran

Pemegang Kad tidak dipertanggungjawabkan terhadap transaksi tanpa kebenaran Kad-hadir yang perlu kepada pengesahan PIN atau pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad tanpa sentuh, asalkan Pemegang Kad telah tidak:

- (i) melakukan penipuan;
- (ii) lengah memberitahu Bank dengan secepat mungkin apabila mendapati Kad hilang atau digunakan tanpa kebenaran;
- (iii) sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
- (iv) mencatatkan PIN di atas Kad atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan Kad;
- (v) tinggalkan Kad atau sesuatu benda yang mengandungi Kad tanpa jagaan di tempat yang boleh dilihat atau dicapai orang lain; atau
- (vi) sukarela membiarkan orang lain menggunakan Kad.

Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad, pihak kami berhak menamatkan Kad anda.

#### Tanggungjawab Pemegang Kad untuk:

- (a) mematuhi terma dan syarat penggunaan Kad;
- (b) mengambil langkah munasabah untuk memelihara keselamatan Kad dan PIN pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
  - i. Mendedahkan butiran atau PIN Kad kepada sesiapa jua;
  - ii. Mencatatkan nombor PIN di atas Kad, atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan Kad;
  - iii. Memilih nombor PIN mengikut tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad; dan
  - iv. Membiarkan orang lain menggunakan Kad dan PIN.
- (c) memberitahu Bank dengan secepat mungkin apabila mendapati Kad hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau nombor PIN mungkin telah terdedah;
- (d) memberitahu Bank dengan serta-merta sebaik sahaja menerima peringatan transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS (khidmat pesanan ringkas) jika transaksi berlaku tanpa kebenaran;
- (e) memberitahu Bank dengan serta-merta tentang perubahan nombor telefon Pemegang Kad;
- (f) menggunakan Kad secara bertanggungjawab, jangan sekali-kali menggunakan Kad untuk aktiviti salah di sisi undang-undang; dan
- (g) menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah-lengah lagi.

### 6. Bagaimana jika saya melangsaikan baki sebelum tarikh matangnya? (Tidak termasuk pelan 'lifetime' dan 'One-time Fee')

Tempoh terkunci - Berbeza bergantung kepada tempoh dipilih/tempoh ansuran

#### Penalti penyelesaian awal

Pindahan Baki : RM70 akan dikenakan jika Pemegang Kad melangsaikan baki sebelum luput tempoh yang dipilih. (kecuali pelan lifetime dan one-time fee)

Quick Cash Faedah Bulanan : RM25 akan dikenakan jika Pemegang Kad melangsaikan baki sebelum luput tempoh ansuran yang dipilih.

### 7. Apakah risiko-risiko utama?

- Dengan membuat bayaran balik bulanan minimum, anda akan mengambil masa lebih lama dan kos lebih banyak untuk menyelesaikan baki belum jelas. Fikirkan kemampuan anda untuk membayar semasa menggunakan Kad. Jika anda menggunakan Kad untuk membayar balik sebarang pembiayaan lain, kos yang anda tanggung menjadi lebih. Silalah berhubung dengan Bank untuk mendapatkan nasihat perancangan kewangan dan pilihan bayaran balik, jika perlu.
- Jika Kad anda dan/atau PIN anda hilang atau dicuri, atau setelah mendapati Kad hilang atau digunakan tanpa kebenaran, sila beritahu Bank dengan serta-merta di TALIAN TERUS +603-7626 8899

### 8. Apakah yang patut saya lakukan jika butiran hubungan saya berubah?

- Bank mestilah diberitahu tentang sebarang perubahan butiran hubungan seperti alamat emel, alamat surat-menyurat dan nombor telefon secepat mungkin demi memastikan segala amaran transaksi dan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk membuat pertukaran, anda boleh hubungi kami di 03-7626 8899. Bagi pelanggan Hong Leong Online, sila layari Hong Leong Connect Online Banking dan pilih "Setting" diikuti "Update Contact Info" (Kemas Kini Info Hubungan).



## 9. Bagaimanakah cara saya mendapatkan maklumat lebih lanjut?

- Untuk mendapat maklumat terbaharu seperti terkandung dalam Kertas Pendedahan Produk dan terma & syarat produk kami secara lengkap, sila layari [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my). Sekiranya ditemui apa-apa percanggahan, maka maklumat terbaharu dan terma & syarat dalam laman web Hong Leong Bank akan diutamakan. Jika anda mengalami kerumitan membayar balik, sebaik-baiknya hubungi kami seberapa segera untuk membincangkan pilihan bayaran balik yang lain. Untuk ini pihak kami boleh dihubungi di:
  - **Jabatan Kutipan Pengguna**  
Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor.  
Tel: +603-7959 1888 E-mel: HLBB-CreditControl\*TL@hlbb.hongleong.com.my
- Ataupun, anda boleh gunakan perkhidmatan **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi individu. Anda boleh hubungi AKPK di Tingkat 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Tel. 03-2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- **POWER!** Rancangan (Pengurusan Wang Ringgit Anda), ditawarkan oleh AKPK, menganjurkan pengurusan wang berhemah dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan untuk mendapat maklumat lanjut, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari laman web di [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)
- **Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di:**  
Tel : 03-7626 8899 E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my
- **Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di:**  
Customer Advocacy  
Level 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-7626 8801/03-7626 8802/03-7626 8812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my
- Sekiranya aduan atau kemusykilan anda tidak diselesaikan dengan baik oleh pihak kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel. 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

## 10. Produk-produk Kad yang lain

Lebih banyak keistimewaan yang ditampilkan bersama Kad kami:

- i. Pindahan Baki (BT)
- ii. Quick Cash Fi Sekali
- iii. Quick Cash Faedah Bulanan
- iv. Auto Balance Conversion (ABC)
- v. Extended Payment Plan (EPP)
- vi. Pelan Pembayaran Flexi (FPP)

### **PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN BALIK BAKI KAD**

Maklumat yang terkandung dalam kertas ini adalah sah setakat pada Julai 2023